

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENGUSAHAAN ATAU PENYEDIAAN  
PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN BAGI SISA PEPEJAL PEMBINAAN**

**1.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemohon yang ingin memohon lesen bagi Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Pembinaan berkuatkuasa di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

**2.0 PIHAK YANG BOLEH MEMOHON**

2.1 Permohonan adalah terbuka kepada mana-mana orang yang berhasrat untuk mengusahakan atau menyediakan perkhidmatan pemungutan bagi sisa pepejal pembinaan di negeri berikut:

- a) Johor;
- b) Melaka;
- c) Negeri Sembilan;
- d) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- e) Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- f) Pahang;
- g) Kedah; dan
- h) Perlis

**3.0 TARIKH PERMOHONAN DIBUKA**

3.1 Pemohon boleh mula memohon lesen bagi Pengusahaan Atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Pembinaan bermula pada **1 Januari 2019** .

**4.0 PERMOHONAN LESEN**

4.1 Pemohon boleh mendapatkan Borang Permohonan Lesen ini di laman sesawang Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) [jpspn.kpkt.gov.my](http://jpspn.kpkt.gov.my) atau Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) [www.swcorp.gov.my](http://www.swcorp.gov.my) .

**5.0 BORANG PERMOHONAN DAN DOKUMEN SOKONGAN**

5.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan borang permohonan dan dua (2) salinan dokumen sokongan yang telah **diperakui lengkap oleh** Pegawai Pelesenan SWCorp Negeri (di ruangan penerimaan dokumen sokongan) dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh pembayaran fi pemprosesan.

5.2 Pemohon perlu menghantar borang yang telah **diperakui lengkap** ke:

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Blok J, Bangunan MKN Embassy Techzone  
Jalan Teknorat 2  
63000 Cyberjaya  
(u.p.: Seksyen Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawal Selia)**

5.3 Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :-

- i) Borang Permohonan
- ii) Dua (2) salinan resit fi pemprosesan lesen yang dibayar oleh pemohon di SWCorp
- iii) Dua (2) salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan pemohon (Salinan Sijil SSM)/
- iv) Dua (2) salinan status ketaksolvenan syarikat dan pemilik syarikat
- v) Dua (2) salinan penyata bank pemohon bagi tiga bulan terakhir permohonan yang disahkan oleh Pegawai Bank.
- vi) Dua (2) salinan Penyata Amanah Saham Bumiputera (ASB)/Amanah Saham Nasional (ASN)/Tabung Haji Pemilik Syarikat (Pemilikan Tunggal Sahaja) *\*Sekiranya berkaitan*
- vii) Dua (2) salinan kemudahan kredit yang diterima oleh pemohon (yang masih aktif) *\*Sekiranya berkaitan*
- viii) Dua (2) salinan kontrak kerja terdahulu pemohon yang berkaitan
- ix) Dua (2) salinan Geran Pendaftaran Kenderaan / Permit Pembelian Kenderaan / Dokumen Sewaan Kenderaan Pemohon
- x) Dua (2) salinan senarai peralatan dan jentera pemohon
- xi) Dua (2) salinan senarai depoh dan tempat meletak kenderaan pemohon

## **6.0 BAYARAN YANG DIKENAKAN**

### **6.1 Fi Pemprosesan**

- i) Permohonan yang telah lengkap dengan dokumen sokongan **akan diproses selepas** bayaran fi pemprosesan sebanyak **RM100.00** diterima oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp); dan
- ii) Bayaran fi pemprosesan boleh dibuat di kaunter Ibu Pejabat SWCorp atau SWCorp Negeri seperti di **LAMPIRAN 1** secara **TUNAI** sahaja.

## **6.2 Fi Lesen**

- i) Fi lesen sebanyak **RM200.00** akan dikenakan bagi setiap skim PBT per tahun yang dipohon (**RM200/Skim PBT/tahun**).
- ii) Pemohon diberi pilihan sama ada:
  - a) membuat bayaran **secara tunai** di:

**Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 24, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya  
(u.p: Bahagian Kelulusan Dan Pelesenan)**

**;atau**

- b) mengemukakan bayaran melalui **pos** (Wang Pos/Bank Draf/Cek) atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan** ke alamat yang sama seperti di atas.

- 6.3 Kedua-dua fi pemprosesan dan fi lesen tersebut tidak akan dikembalikan kepada pemohon.

## **7.0 TEMPOH LESEN**

- 7.1 Dua (2), Tiga (3), Empat (4) atau Lima (5) tahun untuk permohonan lesen Pengusaha atau Penyedia Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Pembinaan.
- 7.2 Bagi pemohon baharu, tempoh lesen yang akan diberikan terhad kepada dua (2) tahun sahaja.

## **8.0 PERINGATAN**

- 8.1 Borang permohonan dan dua (2) salinan dokumen sokongan yang telah **diperakui lengkap oleh** Pegawai Pelesenan SWCorp Negeri (di ruangan penerimaan dokumen sokongan) perlu dihantar kepada Ibu Pejabat SWCorp dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh pembayaran fi pemprosesan. Kegagalan pihak tuan melaksanakannya dalam tempoh tersebut akan menyebabkan **permohonan ditolak**.
- 8.2 Semua maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan hendaklah **sama/sepadan** dengan yang dinyatakan dalam borang permohonan. Jika terdapat bukti bahawa maklumat atau dokumen yang dikemukakan adalah palsu atau didapati dokumen sokongan tidak sama/sepadan dengan yang dinyatakan dalam borang permohonan, **permohonan lesen akan ditolak atau lesen akan dibatalkan** jika kelulusan telah diberikan.
- 8.3 Pihak SWCorp boleh memohon maklumat-maklumat tambahan untuk melengkapkan permohonan ini sekiranya perlu.

- 8.4 Lesen hanya akan dikeluarkan selepas pemohon menjelaskan bayaran Fi Lesen di JPSPN.

**9.0 LAIN-LAIN**

- 9.1 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai permohonan lesen ini hendaklah diajukan kepada:

- i) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Nombor Telefon</b>	<b>Emel</b>
1	Ruzaimi Bin Mahmod	03-8312 4454	<a href="mailto:ruzaimi@swcorp.my">ruzaimi@swcorp.my</a>
2	Zulkarnain Bin Khairuddin	03-8312 4520	<a href="mailto:zulkarnain@swcorp.my">zulkarnain@swcorp.my</a>
3.	Nurul Ashikin Binti Mohamad	03-8312 4585	<a href="mailto:nurul.ashikin@swcorp.my">nurul.ashikin@swcorp.my</a>

- ii) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Nombor Telefon</b>	<b>Emel</b>
1	Marliana Binti Mohsin	03-8891 4562	<a href="mailto:marliana@kpkt.gov.my">marliana@kpkt.gov.my</a>
2	Syazrah Nazuha Binti Husin	03-8891 4570	<a href="mailto:nazuhausin@kpkt.gov.my">nazuhausin@kpkt.gov.my</a>
3	Nuril Amalina Binti Ahmad Hanafiah	03-8891 4580	<a href="mailto:amalina@kpkt.gov.my">amalina@kpkt.gov.my</a>
4	Nor Asmah Binti Muhammed Za'ba	03-8891 4571	<a href="mailto:norasmah@kpkt.gov.my">norasmah@kpkt.gov.my</a>
5	Sabariah Binti Abdullah	03-8891 4577	<a href="mailto:sabariah.abd@kpkt.gov.my">sabariah.abd@kpkt.gov.my</a>

**LAMPIRAN 1**

**SENARAI KAWASAN SKIM DAN KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG  
DITETAPKAN**

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NAMA KAWASAN SKIM	DESTINASI BAGI SISA PEPEJAL BAKI KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN ATAU KEINSTITUSIAN			
			SISA PEPEJAL LENGAI	SISA PEPEJAL TIDAK LENGAI		
				STESEN PEMINDAHAN	KEMUDAHAN PENGOLAHAN	KEMUDAHAN PELUPUSAN
JOHOR	Majlis Bandaraya Johor Bahru	JHJB01CD	Tambak Tanah Kebersihan Seelong	Stesen Pemindahan Taruka		Tambak Tanah Kebersihan Seelong
	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	JHJT01CD	Tambak Tanah Kebersihan Seelong	Stesen Pemindahan Taruka		Tambak Tanah Kebersihan Seelong
	Majlis Daerah Pontian	JHPN01CD	Tambak Tanah Pekan Nenas			Tambak Tanah Pekan Nenas
	Majlis Perbandaran Kulai	JHKL01CD	Tambak Tanah Kebersihan Seelong			Tambak Tanah Kebersihan Seelong
	Majlis Daerah Kota Tinggi	JHKT01CD	Tambak Tanah Batu Empat			Tambak Tanah Batu Empat
	Majlis Daerah Mersing	JHMS01CD	Tambak Tanah Jemaluang			Tambak Tanah Jemaluang
	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	JHPG01CD	Tambak Tanah Tg. Langsung			Tambak Tanah Tg. Langsung
	Majlis Perbandaran Batu Pahat	JHBP01CD	Tambak Tanah Ladang CEP 1			Tambak Tanah Ladang CEP 1
	Majlis Daerah Yong Peng	JHYP01CD	Tambak Tanah Maokil			Tambak Tanah Maokil
	Majlis Perbandaran Kluang	JHKG01CD	Tambak Tanah Ladang CEP 1			Tambak Tanah Ladang CEP 1
	Majlis Daerah Simpang Renggam	JHSR01CD	Tambak Tanah Ladang CEP 1			Tambak Tanah Ladang CEP 1
	Majlis Perbandaran Muar	JHMR01CD	Tambak Tanah Bukit Bakri			Tambak Tanah Bukit Bakri
	Majlis Daerah Tangkak	JHTK01CD	Tambak Tanah Jalan Bekoh			Tambak Tanah Jalan Bekoh
	Majlis Daerah Segamat	JHSG01CD	Tambak Tanah Buloh Kasap			Tambak Tanah Buloh Kasap
	Majlis Daerah Labis	JHLB01CD	Tambak Tanah Maokil			Tambak Tanah Maokil

**GARIS PANDUAN LESEN PEMBINAAN  
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NAMA KAWASAN SKIM	DESTINASI BAGI SISA PEPEJAL BAKI KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN ATAU KEINSTITUSIAN			
			SISA PEPEJAL LENGAI	SISA PEPEJAL TIDAK LENGAI		
				STESEN PEMINDAHAN	KEMUDAHAN PENGOLAHAN	KEMUDAHAN PELUPUSAN
MELAKA	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	MLMB01CD	Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang
	Majlis Perbandaran Alor Gajah	MLAG01CD	Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang
	Majlis Perbandaran Jasin	MLJS01CD	Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang
	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	MLHT01CD	Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang			Tambak Tanah Kebersihan Sg. Udang
NEGERI SEMBILAN	Majlis Perbandaran Seremban	NSSR01CD	Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah			Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah
	Majlis Perbandaran Port Dickson	NSPD01CD	Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah			Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah
	Majlis Perbandaran Nilai	NSNL01CD	Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah			Tambak Tanah Kebersihan Ladang Tanah Merah
	Majlis Daerah Rembau	NSRM01CD	Tambak Tanah Ulu Maasop			Tambak Tanah Ulu Maasop
	Majlis Daerah Jempol	NSJM01CD	Tambak Tanah Kok Foh			Tambak Tanah Kok Foh
	Majlis Daerah Kuala Pilah	NSKP01CD	Tambak Tanah Ulu Maasop			Tambak Tanah Ulu Maasop
	Majlis Daerah Tampin	NSTM01CD	Tambak Tanah Kok Foh			Tambak Tanah Kok Foh
	Majlis Daerah Jelebu	NSJL01CD	Tambak Tanah Sg Muntuh			Tambak Tanah Sg Muntuh
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	WPKL01CD	Tambak Tanah Kebersihan Bukit Tagar	Stesen Pemindahan Taman Beringin		Tambak Tanah Kebersihan Bukit Tagar
			Tambak Tanah Lengai Sungai Kertas			
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	Perbadanan Putrajaya	PJPS01CD	Tambak Tanah Tanjung 12			Tambak Tanah Tanjung 12
			Tambak Tanah Lengai Dengkil			

**GARIS PANDUAN LESEN PEMBINAAN  
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NAMA KAWASAN SKIM	DESTINASI BAGI SISA PEPEJAL BAKI KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN ATAU KEINSTITUSIAN			
			SISA PEPEJAL LENGAI	SISA PEPEJAL TIDAK LENGAI		
				STESEN PEMINDAHAN	KEMUDAHAN PENGOLAHAN	KEMUDAHAN PELUPUSAN
PAHANG	Majlis Daerah Cameron Highlands	PHCH01CD	Tambak Tanah Blue Valley		Insinerator Cameron Highlands	Tambak Tanah Blue Valley
	Majlis Daerah Lipis	PHKL01CD	Tambak Tanah Lipis			Tambak Tanah Lipis
	Majlis Daerah Jerantut	PHJR01CD	Tambak Tanah Jengka 10			Tambak Tanah Jengka 10
	Majlis Daerah Raub	PHRB01CD	Tambak Tanah Padang Sertik			Tambak Tanah Padang Sertik
	Majlis Perbandaran Temerloh	PHTM01CD	Tambak Tanah Belonggu			Tambak Tanah Belonggu
	Majlis Perbandaran Betong	PHBT01CD	Tambak Tanah Padang Sertik			Tambak Tanah Padang Sertik
	Majlis Daerah Rompin	PHRM01CD	Tambak Tanah Kg Feri		Insinerator Pulau Tioman	Tambak Tanah Kg Feri
			Tambak Tanah Muadzam			Tambak Tanah Muadzam
	Majlis Daerah Bera	PHBR01CD	Tambak Tanah Belonggu			Tambak Tanah Belonggu
	Majlis Daerah Pekan	PHPK01CD	Tambak Tanah Keledang			Tambak Tanah Keledang
Majlis Daerah Maran	PHMR01CD	Tambak Tanah Jengka 10			Tambak Tanah Jengka 10	
Majlis Perbandaran Kuantan	PHKT01CD	Tambak Tanah Jerangau-Jabor			Tambak Tanah Jerangau-Jabor	
KEDAH	Majlis Daerah Kubang Pasu	KDKP01CD	Tambak Tanah Paya Kemuning			Tambak Tanah Paya Kemuning
	Majlis Daerah Padang Terap	KDPT01CD	Tambak Tanah Jabi			Tambak Tanah Jabi
	Majlis Bandaraya Alor Setar	KDAS01CD	Tambak Tanah Jabi			Tambak Tanah Jabi
	Majlis Daerah Pendang	KDPD01CD	Tambak Tanah Jalan Tok Sedau			Tambak Tanah Jalan Tok Sedau
	Majlis Daerah Yan	KDYN01CD	Tambak Tanah Semeling			Tambak Tanah Semeling

**GARIS PANDUAN LESEN PEMBINAAN  
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	NAMA KAWASAN SKIM	DESTINASI BAGI SISA PEPEJAL BAKI KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN ATAU KEINSTITUSIAN			
			SISA PEPEJAL LENGAI	SISA PEPEJAL TIDAK LENGAI		
				STESEN PEMINDAHAN	KEMUDAHAN PENGOLAHAN	KEMUDAHAN PELUPUSAN
	Majlis Daerah Baling	KDBL01CD	Tambak Tanah Pulaui			Tambak Tanah Pulaui
	Majlis Dearah Sik	KDSK01CD	Tambak Tanah Semeling			Tambak Tanah Semeling
	Majlis Perbandaran Sungai Petani	KDSP01CD	Tambak Tanah Semeling			Tambak Tanah Semeling
	Majlis Perbandaran Kulim	KDKL01CD	Tambak Tanah Padang Cina			Tambak Tanah Padang Cina
	Majlis Daerah Bandar Baru	KDBB01CD	Tambak Tanah Padang Cina			Tambak Tanah Padang Cina
	Majlis Perbandaran Langkawi	KDLK01CD	Tambak Tanah Belanga Pechah		Insinerator Pulau Langkawi	Tambak Tanah Belanga Pechah
	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	KDKL01CD	Tambak Tanah Padang Cina			Tambak Tanah Padang Cina
PERLIS	Majlis Perbandaran Kangar	PLKG01CD	Tambak Tanah Kebersihan Rimba Mas			Tambak Tanah Kebersihan Rimba Mas



**LAMPIRAN 2**

**SENARAI PEJABAT PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN  
PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)**

<b>BIL</b>	<b>SWCorp</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>NOMBOR TELEFON/FAKS</b>
1	Ibu Pejabat <a href="http://www.swcorp.gov.my">http://www.swcorp.gov.my</a>	Blok J, Bangunan MKN Embassy Techzone Jalan Teknokrat 2, 63000 Cyberjaya, Selangor	TEL: 03-8312 4000 FAKS:03-8312 4003 EMEL: <a href="mailto:customer@swcorp.my">customer@swcorp.my</a>
2	Kuala Lumpur	Level 42, North & South Wings Menara TM, Jalan Pantai Baharu 50672 Kuala Lumpur,	TEL: 03-2245 9292 FAKS: 03-2245 9293
3	Negeri Sembilan	Tingkat 4,5,6 & 7, Bangunan Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan (DPMNS) Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan	TEL: 06-763 6030 FAKS: 06-763 6095
4	Melaka	Tingkat 7, Bangunan Graha Maju, Jalan Graha Maju, 75300 Melaka	TEL: 06-283 8953 FAKS: 06-283 8952
5	Johor	Tingkat 19 & 20, Bangunan Menara MSC Cyberport, No.5, Jalan Bukit Meldrum, 80300 Johor Bahru Johor	TEL:07-222 6476 FAKS: 07-222 6471
6	Pahang	No. 1, B568, B570, Dan B572, Tingkat 1, 2, Dan 3, Kuantan Auto City, Jalan Beserah, 25300 Kuantan, Pahang	TEL: 09-566 3151 FAKS: 09-566 3153
7	Kedah	Tingkat 10 Dan 12 Menara MBAS, Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Star Kedah	TEL: 04-735 4286 / 4331 FAKS: 04-735 4421
8	Perlis	Tingkat 3, Bazar Majlis Perbandaran Kangar, Jalan Kangar Arau, Kg Jejawi 01000 Kangar Perlis	TEL: 04-976 9834 / 9843 FAKS: 04-976 9935